



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 8

11hb April 2013

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

P.U. Sel. 42.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN PELAN PENGURUSAN PANTAI BERSEPADU
(DAERAH SABAK BERNAM DAN KUALA SELANGOR) 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 46 dan 127 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan di dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pelan” ertinya Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

Pelan Tindakan

3. Pelan tindakan adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

Penubuhan Jawatankuasa dan keanggotaannya

4. Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemantauan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengarah Lembaga sebagai Pengerusi;
- (b) Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam atau wakilnya;
- (c) Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor atau wakilnya;
- (d) Pegawai Daerah Sabak Bernam atau wakilnya;
- (e) Pegawai Daerah Kuala Selangor atau wakilnya;
- (f) Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor atau wakilnya;
- (g) Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor atau wakilnya; dan
- (h) tiga ahli lain yang ditentukan oleh Lembaga.

Fungsi Jawatankuasa

5. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk—
 - (a) melaksanakan pelan tindakan di dalam Pelan;
 - (b) memantau pelaksanaan pelan tindakan oleh mana-mana agensi;
 - (c) memastikan pelaksanaan apa-apa kerja oleh mana-mana orang adalah selaras dengan kehendak Pelan;
 - (d) menyelaraskan perhubungan dan kerjasama pelbagai agensi dan pihak berkepentingan di dalam pelaksanaan Pelan; dan
 - (e) membuat apa-apa perkara lain yang difikirkan patut untuk membolehkan pelaksanaan fungsi-fungsinya dengan berkesan.

Semakan Pelan

6. Pelan ini boleh disemak di pejabat Lembaga Urus Air Selangor pada waktu pejabat.

JADUAL

Pelan Tindakan

1. *Pencemaran air*

- (a) Membangunkan mekanisma pencegahan untuk meminimumkan tahap pencemaran air dan mengkaji opsyen baru untuk kawalan dan pencegahan pencemaran air.
- (b) Menyediakan bantuan kewangan dan teknikal untuk pembinaan modal insan dalam pengurusan pencemaran air.
- (c) Membangunkan strategi supaya data kualiti air dapat dikemaskini dengan lebih kerap dengan menggunakan kaedah dan rejim jaminan kualiti standard.

2. *Kemusnahan habitat*

- (a) Menjalankan program kesedaran berkenaan kepentingan bakau dan hutan pantai yang lain.
- (b) Menyediakan garis panduan, pelan pengezonan dan amalan pengurusan terbaik bagi mencegah kemusnahan hutan bakau dan hutan pantai tanpa kebenaran, berlebihan atau secara tidak sengaja.
- (c) Mengendalikan program pemulihan dan penanaman semula untuk mengembalikan semula hutan bakau dan habitat hutan pantai yang lain.

3. *Sisa pepejal*

- (a) Menggalakkan pengurangan sisa.
- (b) Menggalakkan kitar semula dan guna semula.
- (c) Membangunkan amalan terbaik untuk teknologi/kemudahan pengendalian dan pelupusan sisa.
- (d) Meminimumkan kesan pembuangan/pelupusan haram.
- (e) Memperkukuhkan dan menguatkuasakan undang-undang.
- (f) Perkongsian bijak.
- (g) Menyediakan program pendidikan dan kesedaran awam.

4. *Kesihatan*

- (a) Membangunkan program kesedaran kesihatan awam.
- (b) Membangunkan mekanisma pencegahan bagi mengurangkan risiko kesihatan.
- (c) Menyediakan insentif bagi pematuhan standard kesihatan dan pelepasan bahan pencemar.
- (d) Memperkuatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan.

5. *Eksplotasi berlebihan sumber semula jadi marin*
- (a) Melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan hidupan sumber laut hanya diambil pada kadar yang mampan.
 - (b) Melindungi dan menempatkan semula habitat kehidupan di tapak projek.
 - (c) Menggalakkan program kesedaran dan pendidikan awam tentang kepentingan penggunaan sumber semula jadi secara mampan.
6. *Hakisan dan sedimentasi*
- (a) Menerimapakai langkah-langkah yang bermaksud untuk mencegah pengurangan pasir dan lumpur di dalam proses pantai serta menggalakkan pengekalan keseimbangan dinamik bagi merancang kestabilan mendapan.
 - (b) Menstabilkan pantai menggunakan pendekatan eko-kejuruteraan yang peka kepada alam sekitar, di mana perlu.
 - (c) Mengurangkan ancaman hakisan infrastruktur dengan meletakkan strukturnya pada jarak yang selamat dari garisan pantai.
 - (d) Menyediakan garis panduan, pelan pengezonan dan pelan risiko bencana bagi tujuan pembangunan di pesisir pantai.
 - (e) Membangunkan proses kesedaran dan pendidikan awam tentang risiko hakisan dan sedimentasi kepada ekosistem pantai.

Dibuat 25 Mac 2013
[LUAS Sel.1008/1/1; P.U. Sel. Am 0005/13]

Suliman Bin Abd Fahman
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY ENACTMENT 1999

Integrated Coastal Management Plan (Sabak Bernam and Kuala Selangor District) Regulations 2013

in the exercise of powers conferred by sections 46 and 127 of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], the Authority with the approval of the State Authority, makes the following regulations:

Citation and date coming into force

1. (1) These regulation may be cited as **Integrated Coastal Management Plan (Sabak Bernam and Kuala Selangor District) Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Plan” means Integrated Coastal Management Plan of Sabak Bernam and Kuala Selangor District.

Action Plan

3. Action plan is as specified in the Schedule.

Establishment Committee and its membership

4. The Authority shall establish a committee to be known as the Committee for the Monitoring of Integrated Coastal Management Plan for the District of Sabak Bernam and Kuala Selangor which shall consists of—

- (a) the Director of the Authority as the Chairman;
- (b) the President of Sabak Bernam District Council or its representative;
- (c) the President of Kuala Selangor District Council or its representative;
- (d) the District Officer of Sabak Bernam or its representative;
- (e) the District Officer of Kuala Selangor or its representative;
- (f) the Director of Town and Country Planning of Selangor State Department or its representative;
- (g) the Director of Irrigation and Drainage of Selangor State; and
- (h) three other members as determined by the Authority.

Function of the Committee

5. The functions of the Committee is to—

- (a) implement action plan in the Plan;
- (b) monitor implementation of the action plan by any agency;
- (c) ensure implementation of any works by any person is in accordance with the requirement of the Plan;
- (d) coordinate multi agency and stakeholders relationship and cooperation in the implementation of the Plan; and

P.U. Sel. 42.

- (e) to do other things as it deems fit for effective performance of its functions.

Inspection of Plan

- 6. The Plan may be inspected at the Selangor Waters Management Authority office during office hours.

SCHEDULE

Action Plan

1. *Water pollution*

- (a) Develop preventive mechanisms to minimize the level of water pollution and research new options for control and prevention of water pollution.
- (b) Provide funding and technical assistance for capacity building in management of water pollution.
- (c) Develop strategies for water quality data to be updated regularly using a standard methodology and quality assurance regimes.

2. *Destruction of habitat*

- (a) Conduct awareness programs on the importance of mangroves and other coastal forests.
- (b) Provide guidelines, zoning plan and best management practices to prevent unauthorized, excessive or unintentional destruction of mangroves and other coastal forests or not.
- (c) Conduct regeneration or revegetation programs to restore mangrove and other coastal forest habitats.

3. *Solid Waste*

- (a) Encourage waste minimization.
- (b) Encourage recycling and re-use.
- (c) Develop best practice for waste handling and disposal technology/facilities.
- (d) Minimize the impact of illegal dumping/disposal.
- (e) Strengthening and enforcing the law.
- (f) Smart partnership.
- (g) Provide educational and public awareness program.

4. *Health*

- (a) Develop public health awareness programs.
- (b) Develop preventive mechanisms to minimize health risks.
- (c) Provide incentives for compliance to health and effluent discharge standards.
- (d) Strengthen monitoring and enforcement efforts.

5. *Over-exploitation of marine natural resources*

- (a) Implement measures to ensure that marine living resources are only taken at sustainable rates.
- (b) Protect and restore the habitat of living resources at the Project Site.
- (c) Promote awareness program and public education on the importance of sustainable natural resource use.

6. *Erosion and sedimentation*

- (a) Adopt measures directed at preventing an overall reduction of sand and mud in the coastal process and promote maintenance of dynamic equilibrium for balanced sediment budget.
- (b) Stabilize the coast using environmentally sensitive eco-engineering an approach wherever possible.
- (c) Reduce the erosion threat to infrastructure by siting structures at a safe distance from the shoreline.
- (d) Provide guidelines, zoning plan and disaster risk plan for development coastal water purposes.
- (e) Develop awareness and public education process on the risk of erosion and sedimentation to the coastal ecosystem.

Made 25 March 2013

[LUAS Sel.1008/1/1; P.U. Sel. Am 0005/13]

Suliman Bin Abd Fahman
Clerk
State Executive Council
Selangor